

# Maklumat, keistimewaan pengajian

» **Hari Terbuka USIM sedia pelbagai aktiviti untuk pelajar, ibu bapa**

Oleh Noor Azlina Zainudin  
azlina@bh.com.my

▸ **Nilai**

Pelbagai aktiviti menarik menanti pengunjung Hari Terbuka Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang akan diadakan pada Sabtu ini, bermula jam 9 pagi hingga 5 petang.

Pengarah Pusat Komunikasi Strategik USIM, Dr Faizal Kasmani, berkata aktiviti khusus untuk pelajar, ibu bapa dan masyarakat itu dirangka berdasarkan empat teras iaitu akademik, pengalaman pembelajaran, penyelidikan serta inovasi dan kelestarian.

Katanya, selain berpeluang menyertai aktiviti sepanjang program itu, pengunjung juga dapat mengetahui lebih lanjut mengenai

peranan USIM sebagai pusat integrasi ilmu naqli dan aqli.

"Antara aktiviti dijangka menarik perhatian ialah sesi Bicara Ikon Bersama-sama Timbalan Yang Dipertua Muafakat Kolej PERMATA Insan USIM, Dr Khairul Nahar Amiruddin yang membincangkan topik *Tip Mendidik Anak Genius* pada jam 9 pagi.

"Sesi berkenaan diteruskan dengan topik *Wanita dan Keluarga* kupasan Pensyarah Kanan USIM, Dr Nik Salida Suhaila Nik Saleh pada jam 12 tengah hari, diikuti topik *Al-Quran dan Kebahagiaan Kehidupan* oleh Johan Qari Peringkat Kebangsaan 2013, Ustaz Anuar Hasin pada jam 2.30 petang," katanya.

Bagi yang berminat menyertai acara larian sambil beramal, Dr Faizal berkata, Fit USIM Charity Run 2015 akan berlangsung jam 7 pagi di Kompleks Sukan Tunku Najihah membabitkan empat kategori iaitu pelajar sekolah, pelajar USIM, kakitangan USIM dan terbuka.

**Pelbagai aktiviti diadakan**

"Selain itu, Dewan Tuanku Canselor yang menjadi lokasi utama Hari Terbuka turut menampilkan pelbagai aktiviti lain antaranya pameran akademik, jelajah

kampus, *Science Outreach*, Kuiz Olimpiad Matematik, program bersama komuniti, program kanak-kanak, pencarian bakat, gerai jualan dan pemeriksaan kesihatan percuma.

**Beri peluang kepada peserta**

"Turut diadakan ialah Seminar Kerjaya Pegawai Hal Ehwal Islam bagi memberi peluang peserta mengenali skim perkhidmatan berkaitan, memperoleh syarat dan cara memohon, tip penyediaan resume, tip temu duga, komunikasi dan imej, mock interview dan sesi khas bersama-sama Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan," katanya.

Faizal berkata, dianggarkan lebih 5,000 pelajar, ibu bapa dan masyarakat sekitar Lembah Klang serta negeri berdekatan seperti Melaka dan Johor tidak akan melepaskan peluang keemasan sepanjang hari terbuka itu untuk mendapatkan maklumat terperinci mengenai 64 program peringkat ijazah pertama dan pascasiswazah ditawarkan USIM.

"Sebagai peneraju dalam segenap aspek ilmu dan pusat rujukan global untuk integrasi ilmu naqli dan aqli, USIM menggunakan pendekatan seimbang dalam pendidikan, iaitu menerapkan elemen yang memenuhi keperluan fizikal dan rohani

"Dianggarkan lebih 5,000 pelajar, ibu bapa dan masyarakat sekitar Lembah Klang serta negeri berdekatan seperti Melaka dan Johor tidak akan melepaskan peluang keemasan sepanjang hari terbuka itu untuk mendapatkan maklumat terperinci mengenai 64 program peringkat ijazah pertama dan pascasiswazah ditawarkan USIM"

Dr Faizal Kasmani,  
Pengarah Pusat Komunikasi  
Strategik USIM

selain pengukuhan dalam program akademik.

"Oleh itu, Hari Terbuka USIM ini bakal memberi pemahaman lebih jelas kepada pengunjung mengenai keistimewaan USIM terutama dalam menawarkan model unik pengajian tinggi Islam, yang membezakannya daripada universiti Islam lain di seluruh dunia," katanya.

